



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YB TUAN BARU BIAN
MENTERI KERJA RAYA
MALAYSIA**

**MAJLIS PERASMIAN PEJABAT
CIDB SARAWAK, CAWANGAN SIBU**

**PADA 23 MAC 2019 (SABTU)
PEJABAT CIDB SARAWAK, CAWANGAN
SIBU**

Selamat Pagi & Salam Sejahtera

1. Bersyukur kita kepada Tuhan kerana kita dapat bersama – sama berkumpul di dalam majlis yang cukup bermakna ini. Ucapan terima kasih saya zahirkan kepada CIDB Malaysia atas kesudian mengundang saya bagi merasmikan **Pejabat CIDB Sarawak, Cawangan Sibul** pada pagi yang bersejarah ini.

Para hadirin sekalian,

2. Tidak dapat dinafikan bahawa industri pembinaan adalah salah satu daripada tulang belakang kepada pembangunan negara kita. Infrastruktur yang baik dan berkualiti akan dapat menyokong setiap usaha pembangunan ekonomi yang akan dilaksanakan, terutamanya di negeri Sarawak. Pembinaan infrastuktur yang mapan hanya dapat dicapai dengan adanya industri pembinaan tempatan yang mempunyai tenaga kerja yang berkemahiran, berdaya saing dan dinamik.

3. Sebagai usaha dalam memastikan penggiat industri pembinaan di Sarawak tidak ketinggalan dalam program-program pembangunan serta patuh kepada **Akta 520**, CIDB telah membuka pejabat negeri di Kuching, Miri dan Bintulu. Pada hari ini, saya berasa amat teruja dengan pembukaan sebuah lagi Cawangan CIDB di Sarawak iaitu di Sibul. Ini menjadikan 4 buah cawangan telah dibuka di negeri Sarawak. Terima kasih CIDB atas komitmen yang telah diberikan.

Hadirin sekalian,

4. Sibü merupakan bandar ketiga terbesar di Sarawak selepas Kuching dan Miri. Sibü dikenali sebagai bandar pelabuhan dan pembinaan kapal yang terletak di tengah-tengah antara timur dan barat Sarawak. Bandar ini, merupakan penghubung di antara pekan – pekan kecil di muara Sungai Rajang yang merupakan pusat perdagangan dan juga destinasi perlancongan di Sarawak. Selain itu, Sibü juga merupakan pintu masuk ke **Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE)**.

5. Sememangnya Sibü mempunyai potensi untuk dibangunkan dengan lebih pesat lagi di masa hadapan dengan adanya infrastruktur yang mapan. Adalah menjadi impian saya supaya Bandar Sibü, dibangunkan dengan dengan cara yang mesra alam sekitar dan tidak bersandarkan kepada pembangunan konvensional semata-mata seperti bandar-bandar lain. Kita boleh mengambil contoh pembangunan Bandaraya Copenhagen di Denmark. Bandaraya ini, yang dahulunya merupakan bandar terkotor pada sekitar tahun 60-an, kini telah ditransformasikan menjadi Bandaraya Pintar dan bandar paling mesra alam di dunia.

6. Saya berpeluang melihat sendiri bandar ini sewaktu lawatan kerja saya ke Copenhagen pada tahun lepas. Rata – rata penduduk di situ berbasikal ke tempat kerja. Aktiviti ini telah menjadi sebahagian daripada gaya hidup mereka kerana infrastruktur laluan berbasikal tersedia di semua tempat di bandaraya tersebut. Selain pengeluaran karbon sifar, aktiviti berbasikal ini juga dapat

meningkatkan tahap kesihatan penduduk di Bandaraya tersebut. Berbeza dengan bandaraya moden lain di dunia, jumlah basikal di Copenhagen adalah jauh lebih besar daripada jumlah kereta. Perkara ini hanya dapat dicapai melalui penerapan aktiviti berbasikal sebagai budaya penduduk di situ.

7. Selain daripada pembinaan infrastruktur berbasikal, Copenhagen juga telah mewajibkan pembinaan Bumbung Hijau di semua projek pembangunan di Bandaraya itu sejak 2010. Bumbung hijau merupakan penanaman tumbuhan hijau di atas bumbung bangunan. Copenhagen juga mewajibkan semua bas menggunakan kuasa elektrik. Ini adalah di antara inisiatif bersepadu yang dilaksanakan bagi memastikan Copenhagen menjadi Bandaraya neutral karbon menjelang 2025.

8. Bagi Sibul pula, sebagai sebuah bandar yang baru membangun, tentunya masih banyak ruang untuk menerapkan model pembangunan yang mesra alam sekitar. Malah, Sibul berpotensi menjadi contoh pembangunan bandaraya hijau di Asia kelak, tambahan pula Sibul terletak di lokasi alam semulajadi hutan tropika.

Para hadirin sekalian,

9. Projek infrastruktur yang telah dilaksanakan di Sibul ini banyak membawa kepada perkembangan ekonomi yang pesat terutamanya pertumbuhan industri pembinaan. Projek jajaran lebuh raya Pan Borneo Sarawak adalah salah satu daripadanya. Pakej-pakej jajaran Lebuh raya Pan Borneo Sarawak Fasa 1 di dalam bahagian Sibul

adalah bernilai RM1.7 billion. Projek ini, telah bermula pada tahun 2016 dan sedang giat dilaksanakan.

10. Selain itu, terdapat juga projek – projek pembangunan swasta lain antaranya adalah:

- Pembinaan pangsapuri 18 tingkat, hotel dan bangunan komersial di Bandar Sibu yang bernilai RM 140 juta.
- Projek rancangan tebatan banjir Sibu (Fasa 3) di Lembangan Batang Rajang, Sarawak yang bernilai RM90 juta yang dilaksanakan pada tahun 2017.
- Projek Membina Jalan dari Sibu Jaya ke Jalan Kong Yit Khim yang bernilai RM100 juta.

11. Projek-projek pembinaan sebegini sudah pasti akan menjadi pemangkin pembangunan ekonomi di Sibu ini.

Para hadirin sekalian,

12. Berdasarkan rekod CIDB, setakat 28 Februari 2019, terdapat 96,038 kontraktor yang berdaftar di seluruh negara. Dari jumlah tersebut, 8,650 adalah daripada Sarawak, manakala **974 kontraktor adalah daripada Sibu**. Statistik Personnel Binaan pula menunjukkan, daripada lebih 850,000 personnel yang berdaftar di seluruh negara, seramai 45,000 adalah dari Sarawak dan lebih **13,000 personnel adalah dari Sibu**.

13. Saya berharap agar kesemua penggiat industri di Daerah Sibu ini dapat memanfaatkan secara maksimum pembukaan cawangan

CIDB di sini dengan menyertai program-program yang disediakan dalam usaha mempertingkatkan tahap kemahiran, skil dan kompetensi (*competency*) masing-masing. Saya juga menggesa penggiat industri di sini supaya menerapkan nilai-nilai transformasi seperti yang telah digariskan di dalam Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP). Untuk makluman para hadirin sekalian, CITP menetapkan beberapa sasaran transformasi industri pembinaan di negara ini, menerusi empat teras strategiknya iaitu:

- i. **Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme**
- ii. **Kemampuan Alam Sekitar**
- iii. **Produktiviti**
- iv. **Pengantarabangsaan dan Pedayasaingan**

14. Saya berharap pembukaan cawangan CIDB di Sibul ini, pertumbuhan industri pembinaan di sini akan lebih mantap, berkualiti, mapan dan produktif.

15. Akhir kata, dengan penuh rasa hormat dan takzim, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan **Pejabat CIDB Sarawak, Cawangan Sibul**.

Sekian, terima kasih.

Disediakan Oleh:
Urusetia Majlis
Pembukaan Pejabat CIDB Cawangan Sibul
Pejabat Menteri
Kementerian Kerja Raya Malaysia
23 Mac 2019